



Ruj : UKM KPD/262/2

Tarikh : 21 Mei 2018

Semua Pelajar
Program Prasiswazah dan Siswazah
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.
(Kecuali Pelajar FTSM)

Saudara/i,

1. PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2017-2018
2. PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2018-2019

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita sekiranya pelajar membaca dengan teliti dan mengambil tindakan seperti berikut:

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Pelajar hendaklah menggunakan Pengenalan (No Matrik) dan Kata Laluan bagi mencapai Sistem Maklumat Pelajar Eksekutif (SMPE) di laman web SMPE, www.ukm.my/smpe . Pelajar dinasihatkan supaya tidak mendedahkan kata laluan.	
2.	Pelajar hendaklah membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 2 Sesi Akademik 2017-2018 secara atas talian di laman web SPPKE, www.ukm.my/sppke sebelum membuat pendaftaran awal Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019. Sebarang pertanyaan sila hubungi dengan Pn Nor Hapizah Abd Rahman di talian 03-8921 3887 atau emel kepada norhapizah@ukm.edu.my .	4-17 Jun 2018
3.	Pelajar hendaklah membuat pendaftaran awal kursus Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019 di laman web SMPE, www.ukm.my/smpe . Sila semak penawaran kursus di laman web PKP mengikut mod pengajian masing-masing.	
4.	Pendaftaran awal adalah diwajibkan kepada semua pelajar. Pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal hanya dibenarkan membuat pendaftaran kursus Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019 dalam tempoh tambah kursus bermula pada 8 Oktober 2018. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.	

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN


Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5585/5609 Faksimil: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

	BAGI PELAJAR YANG MASIH TIDAK MEMBUAT PENDAFTARAN SELEPAS TEMPOH TAMBAH KURSUS TAMAT, AKAN DIKENAKAN CAJ TERUS KE AKAUN PELAJAR SEBANYAK RM50 SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM PERATURAN AM KEWANGAN PKP.	
5.	Edaran bahan bacaan akan diberi keutamaan kepada pelajar yang membuat pendaftaran awal.	
6.	Perlu diingatkan bahawa pendaftaran sebenar kursus Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019 adalah tertakluk kepada keputusan peperiksaan semester sebelumnya dan keperluan prasyarat semester berikutnya.	

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3914 atau emel kepada bpapkp@ukm.edu.my. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,



NOOR SUZILAWATI BINTI DESA
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Timbalan Pengarah

s.k. : - Penyelaras Program, PKP
- Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Sokongan Pembelajaran, PKP